

Mesej Dua

**Belajar Rahsia Melakukan Segala Sesuatu
dalam Kristus sebagai Dia yang Memperkudrat Itu
Agar Kita Berhidupkan Kristus, Memperbesar Kristus,
dan Beroleh Kristus demi Kemuliaan-Nya dalam Gereja**

Bacaan Bible: Flp. 1:19-21a; 2:2; 3:14; 4:6-8, 11-13

I. Paulus belajar rahsia melakukan segala sesuatu dalam Kristus sebagai Dia yang memperkudrat itu—Flp. 4:11b-13:

- A. Frasa *belajar rahsia* menunjukkan bahawa Paulus telah masuk ke dalam suatu keadaan baru, suatu persekitaran baru; setiap kali kita diletakkan dalam persekitaran baru, kita perlu belajar rahsia bagaimana hidup dalam persekitaran itu.
- B. *Aku telah belajar rahsia* secara literal bermakna “aku telah dibawa masuk”; metafora di sini merujuk kepada seseorang yang dibawa masuk ke dalam kumpulan rahsia dan diberi tunjuk ajar tentang prinsip asasnya.
- C. Selepas Paulus percaya kepada Kristus, dia dibawa masuk ke dalam Kristus dan Tubuh-Nya; kemudian dia belajar rahsia bagaimana mengambil Kristus sebagai hayat (Kol. 3:4), berhidupkan Kristus (Flp. 1:21a), memperbesar Kristus (ay. 20), beroleh Kristus (3:8, 12), dan bagaimana menjalani kehidupan gereja (1:8, 19; 2:1-4, 19-20; 4:1-3).

II. Percayawan ialah disipal, pelajar, yang belajar rahsia, iaitu mempelajari Kristus sebagaimana realiti itu ada dalam Yesus dengan mengikut Roh realiti; Roh realiti akan membimbang mereka ke dalam segala realiti bagi keadaan sebenar kehidupan Yesus seperti yang tercatat dalam empat Injil; dalam kehidupan ini, Yesus melakukan segala-gala dalam Tuhan, bersama dengan Tuhan, dan untuk Tuhan; Tuhan berada dalam kehidupan-Nya, dan Dia bersatu dengan Tuhan—Yoh. 16:13; Ef. 4:20-21:

- A. Pengikut Kristus didisipalkan menerusi kehidupan insani Kristus di bumi, iaitu kehidupan yang merupakan model Tuhan-manusia—berhidupkan Tuhan dengan menyangkal diri-Nya dalam keinsanan (Yoh. 5:19, 30); ini merevolusikan konsep mereka tentang manusia (Flp. 3:10; 1:21a).
- B. Oleh sebab Kristus berhidupkan Tuhan dengan menyangkal diri-Nya dalam keinsanan-Nya, maka Dia “belajar kepatuhan daripada apa yang dideritai-Nya” (Ibr. 5:8), “dengan menjadi patuh bahkan sehingga mati, malah mati di atas salib” (Flp. 2:8).
- C. Kita belajar daripada Kristus (Mat. 11:29) menurut teladan-Nya, bukan melalui hayat alamiah kita tetapi melalui hayat-Nya dalam kebangkitan, yakni hayat yang patuh; seorang disipal ialah seorang yang berhidupkan hayat divin dalam hayat insaninya.
- D. “Sepanjang lapan belas tahun dalam pemulihan, saya memerhatikan bagaimana Dikbang Watchman Nee bertindak. Segala-gala yang saya perhatikan dalamnya telah menjadi hal-hal yang mendisipalkan saya” (*Kumpulan Vital*, m.s. 21).
- E. Sebagai disipal Tuan, pelajar-Nya, kita terus-menerus berada di bawah latihan-Nya yang merupakan kurnia Tuhan, yang juga muncul kepada kita sebagai “keihsanan dan kasih Tuhan Penyelamat kita kepada manusia”; kurnia ini “melatih kita supaya menyangkal kefasikan dan nafsu duniaawi, agar kita dapat hidup dengan waras dan adilbenar serta salih pada zaman sekarang, menantikan harapan yang penuh berkat, iaitu kemunculan kemuliaan Tuhan agung dan Penyelamat kita, Yesus Kristus”—Tit. 3:4; 2:11-13.
- F. Oleh sebab dikkak-dikkak dalam kehidupan gereja ialah disipal Tuan, maka dikkak yang lebih tua harus bersatu dengan Tuan untuk melatih dikkak yang muda “untuk mengasihi suami mereka, untuk mengasihi anak-anak mereka,

agar berminda waras, suci, menguruskan kerja-kerja rumah, baik, tunduk kepada suami mereka sendiri, agar sabda Tuhan tidak dihujat”—2:3-5.

- G. Sebagai disipal Tuan, kita perlu patuh kepada sabda Tuan agar “pergi dan pelajarilah makna ini”; Tuhan ingin menunjukkan rahmat kepada pendosa yang kasihan, maka Dia mahu kita menunjukkan rahmat dalam kasih kepada orang—Mat. 9:12-13; Mi. 6:6-8; Mrk. 12:33.

III. Rahsia dalam Filipi 4 ialah melakukan segala sesuatu dalam Kristus sebagai Dia yang memperkudratkan kita—ay. 13; *Kidung Inggeris*, #564:

- A. Paulus ialah seorang dalam Kristus (2 Kor. 12:2a) dan dia berhasrat agar dia didapati berada dalam Kristus oleh orang lain; dalam Filipi 4:13, dia menyatakan bahawa dia berupaya melakukan segala sesuatu dalam Kristus yang memperkudratkannya; ini merupakan kata penutup yang menyeluruh tentang pengalaman Paulus terhadap Kristus; ini merupakan kebalikan kata-kata Tuan dalam Yohanes 15:5 berkenaan hubungan organik kita dengan-Nya: “Terpisah daripada-Ku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa.”
- B. Paulus sama sekali pernah berada dalam agama Yahudi, di bawah hukum, dan selalu didapati berada dalam hukum oleh orang lain; akan tetapi, pada saat dia baru percaya, dia dipindahkan dari hukum dan agamanya yang dahulu ke dalam Kristus dan menjadi “seorang dalam Kristus”—2 Kor. 12:2a.
- C. Sekarang dia berharap agar dia didapati berada dalam Kristus oleh semua yang memperhatikannya; ini menunjukkan bahawa dia berhajat agar seluruh dirinya dapat terbenam dalam Kristus dan ditepui-Nya, supaya semua yang memperhatikannya akan mendapati dia berada sepenuhnya dalam Kristus; hanya apabila kita didapati berada dalam Kristus, barulah Kristus dapat diekspresikan dan diperbesar—Flp. 3:9a; 1:20.
- D. Dari satu segi, melalui pengkudratan Kristus, kita dapat menjalani kehidupan yang berasa cukup (4:11-12); dari segi yang lain, melalui pengkudratan Kristus, kita dapat menjadi benar, bermartabat, adilbenar, suci, diperkenan, dan disanjung (ay. 8).
- E. Kata-kata Paulus tentang Kristus sebagai Dia yang memperkudrat itu khususnya diaplikasikan pada pengkudratan Kristus ke atas kita untuk berhidupkan Dia sebagai virtu-virtu insani kita, dan dengan itu memperbesar-Nya dalam keagungan-Nya yang tidak terbatas; menjalani kehidupan yang mengandungi semua virtu ini adalah jauh lebih susah daripada melakukan kerja orang Kristian.

IV. Jalan yang praktikal untuk melakukan segala sesuatu dalam Kristus sebagai Dia yang memperkudrat itu dilihat dalam Filipi 4:6-7: “Dalam apa jua, janganlah khuatir, tetapi dalam segala hal, melalui doa dan permohonan dengan kesyukuran, biarlah permintaanmu diberitahukan kepada Tuhan, dan damai sejahtera Tuhan yang melangkaui pengertian setiap orang akan mengawal hatimu dan fikiranmu dalam Kristus Yesus”:

- A. Kristus sendiri ialah damai sejahtera Tuhan, yang melangkaui pengertian setiap orang—Yes. 9:6; Yoh. 14:27; Luk. 7:50; Roma 3:17; 5:1; 8:6; 15:13; 16:20.
- B. *Kepada Tuhan* bermakna pergerakan ke hadapan, dalam erti kata penyatuan dan komunion yang hidup, dan mengimplikasikan persekutuan; oleh itu, makna *kepada Tuhan* di sini ialah “dalam persekutuan dengan Tuhan”—Flp. 4:6.
- C. Hasil daripada amalan persekutuan kita dengan Tuhan dalam doa ialah kita menikmati damai sejahtera Tuhan; damai sejahtera Tuhan sebenarnya ialah Tuhan sebagai damai sejahtera (ay. 9) diinfusikan ke dalam kita menerusi persekutuan kita dengan-Nya melalui doa dan menjadi pengimbang kesusahan dan penawar kekhawatiran (Yoh. 16:33).
- D. Tuhan damai sejahtera meronda di hadapan hati dan fikiran kita dalam Kristus supaya kita sentiasa tenang dan tenteram (bd. Yes. 30:15a); jika kita ingin menjalani suatu kehidupan yang bebas daripada kekhawatiran, kita perlu menyedari

bahawa semua sekitaran kita, baik atau buruk, telah ditetapkan kepada kita oleh Tuhan agar kita dapat mencapai takdir kita untuk beroleh Kristus, berhidupkan Kristus, dan memperbesar Kristus (Roma 8:28-30; Mat. 10:29-31; 2 Kor. 4:15-18).

V. Belajar rahsia melakukan segala sesuatu dalam Kristus sebagai Dia yang memperkuat itu bererti “doa sekutu dengan Yesus”, iaitu Raja kita, Tuan kita, Kepala kita, dan Suami kita (*Kidung*, #568); doa yang menghubungi Tuhan terdiri daripada kata-kata yang benar-benar dibicarakan daripada hati:

- A. Kita mungkin berada dalam keadaan yang sedih, tertekan, dan kecewa; kita harus membawa masalah kita kepada Tuan dan memberitahu Dia tentangnya; Dia pendengar terbaik; Dia mengetahui emosi kita, dan Dia bersympati dengan hati kita; Dia dapat melipurkan kita dan membantu kita.
- B. Kita harus menyedari bahawa setiap kali kita berbicara kepada Tuan dan meluahkan isi hati kita kepada Tuan, kita menjadi lebih dekat dengan Tuan dan lebih mengenali-Nya; masa kita mendekati-Nya pada saat ini jauh lebih baik daripada ribuan kali persekutuan yang biasa dengan-Nya; hanya dengan perhubungan ini, barulah hayat kita dapat bertumbuh—Mzm. 62:6-8; 56:8; bd. 1 Sam. 1:15.
- C. Jika seseorang tidak pernah mengalirkan air mata di hadapan Tuan, tidak pernah membawa segala suka dan dukanya ke hadapan Tuan, dan tidak pernah berbual dengan Tuan berkenaan hal peribadinya, orang sedemikian tidak mempunyai persekutuan yang intim dengan Tuan dan hubungan yang mesra dengan-Nya; seseorang dapat menjadi lebih rapat dengan Tuan hanya dengan memberitahu Tuan segala-galanya.
- D. Dia bersympati dengan setiap masalah kita; Tuan kita rela memikul segala kekhawatiran kita, dan Dia sabar mendengar luahan kita; untuk menikmati Dia sebagai air hayat hidup, kita perlu berbicara kepada Dia sebagai batuan rohani kita—Bil. 20:8; 1 Kor. 10:4; Kel. 17:6; *Kidung*, #202.
- E. Tajuk Mazmur 102 berkata, “Doa seorang yang sengsara, ketika dia lesu dan meluahkan aduannya di hadapan Yehova”; kita mungkin mengadu kepada Tuhan, tetapi aduan kita mungkin menjadi doa yang terbaik, doa yang paling menyenangkan Tuhan; semasa kita mengadu, Tuhan bergirang kerana Dia sedang menyebabkan segala sesuatu bekerja bersama demi kebaikan agar kita dapat dikonform kepada imej Anak-Nya—Roma 8:28-29.
- F. Mazmur 73 ialah catatan tentang doa yang ikhlas daripada pemazmur yang mencari yang hampir tersandung disebabkan penderitaannya sendiri dan disebabkan kemakmuran orang durjana; dia berfikir bahawa dia telah memurnikan hatinya dengan sia-sia kerana dia tidak menikmati kemakmuran kebendaan, sebaliknya dia ditimpah malapetaka sepanjang hari dan dihukum setiap pagi—ay. 12-16:
 1. Penyelesaian kepada kebingungan pemazmur berkenaan kemakmuran orang durjana diperoleh dalam rumah kudus Tuhan (ay. 17); pertama, rumah kudus Tuhan, kediaman-Nya, berada dalam roh kita (Ef. 2:22); kedua, rumah kudus Tuhan ialah gereja (1 Tim. 3:15); masuk ke dalam rumah kudus Tuhan bererti berpaling kepada roh kita dan pergi ke perhimpunan gereja dan perhimpunan ministri; dalam roh kita dan dalam gereja, kita menerima wahi divin dan beroleh penjelasan kepada semua masalah kita.
 2. Menerusi perbualan dia yang jujur dengan Tuan dan dia masuk ke dalam rumah kudus Tuhan, pencari Tuan akhirnya dicayahai Tuan sehingga dia berupaya berkata kepada-Nya, “Siapakah yang aku ada di syurga melainkan Engkau? / Dan selain Engkau, tidak ada apa-apa yang aku ingin di bumi. / Tubuh dagingku dan hatiku melenyap, / Tetapi Tuhan itu batuan hatiku dan bahagianku buat selama-lamanya”—Mzm. 73:25-26.

3. Hasrat Tuhan terhadap pencari-Nya ialah mereka dapat menemui segala-gala dalam Kristus dan tidak tersimpang daripada kenikmatan mutlak terhadap Kristus; hasrat muktamad Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah kita berhidupkan Kristus, memperbesar Kristus, dan beroleh Kristus demi kemuliaan-Nya dalam gereja—Flp. 1:19-21a; 3:7-8; Yes. 43:7; 1 Kor. 10:31; 6:20; 1 Ptr. 4:11; Ef. 3:16-21.